



**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK PEMBAIKAN PENGINDAHAN MASJID DI KAMPUNG BATU 3 DAN
MAJLIS PENYERAHAN PROJEK NAIK TARAF SEKOLAH KEBANGSAAN RINCHING HILIR, SEMENYIH,
SELANGOR DARUL EHSAN**

Semenyih, 5 Disember 2025 (Jumaat) – Di bawah inisiatif Kampung Angkat MADANI dan Sekolah Angkat MADANI 2025, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) telah berjaya melaksanakan projek-projek pembangunan dan pengindahan di Kampung Batu 3, Semenyih dan Sekolah Kebangsaan Rinching Hilir, Semenyih. Bagi menandakan kejayaan pelaksanaan inisiatif Kampung Angkat dan Sekolah Angkat MADANI, MITI dengan kerjasama penduduk setempat telah mengadakan Majlis Penyerahan Projek Pembaikan Jalan Kampung Batu 3 dan Pengindahan Masjid Kariah Kampung Batu 3, Semenyih. Majlis ringkas yang diadakan di Masjid Kariah Kampung Batu 3 turut dihadiri oleh wakil-wakil daripada Kementerian Kemajuan Luar Desa dan Wilayah (KKDW) selaku rakan strategik MITI, Penghulu Mukim Semenyih, Ketua Kampung Batu 3, Nazir Masjid Kariah Batu 3 dan para penduduk setempat. Pada hari yang sama, MITI turut menganjurkan Majlis Penyerahan Projek Naik Taraf Kemudahan Sekolah Kebangsaan Rinching Hilir bertempat di Sekolah Kebangsaan Rinching Hilir yang turut dihadiri oleh Guru Besar, guru, murid-murid dan wakil-wakil dari Pejabat Pendidikan Negeri dan Daerah serta Persatuan Ibu bapa dan Guru.

Program Kampung Angkat MADANI ini merupakan inisiatif berimpak tinggi yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Belanjawan 2024 bagi meningkatkan kemudahan asas serta menyokong pembangunan yang seimbang antara bandar dan luar bandar. Dalam hubungan ini, MITI telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi projek Kampung Angkat MADANI dengan fokus utama diberikan kepada usaha pembaikan jalan-jalan kampung di mana RM600,000 telah diperuntukan. Projek ini yang berjaya disiapkan dua bulan lebih awal daripada perancangan telah diterajui oleh KKDW selaku rakan strategik MITI. Pada masa yang sama, MITI turut melaksanakan projek pengindahan Masjid Kariah Batu 3 dan kawasan sekitar yang merangkumi naik taraf ruang solat serta memperbaiki kerosakan, selain dari inisiatif untuk meningkatkan kelestarian Sungai Semenyih yang merentasi Kampung Batu 3, menerusi penanaman lebih 300 biji benih pokok buluh dan 2,000 benih rumput vetiver. Bagi merapatkan silaturahim, pada bulan September yang lepas, MITI telah menganjurkan sambutan Hari Malaysia di persekitaran Kampung Batu 3 yang turut dimeriahkan oleh penduduk Kampung Batu 3 dan sekitar dengan pelbagai pengisian program termasuk perarakan

penduduk dan warga MITI bagi menyemarakkan semangat patriotisme. Program gotong-royong turut diadakan melibatkan warga MITI dan kampung pada bulan Mei yang lalu.

Usaha strategik bagi menaiktaraf jalan-jalan serta pengindahan kampung dan masjid di Kampung Batu 3 ini dilaksanakan dengan pendekatan whole of government di mana MITI menjalin kerjasama strategik dengan Kementerian Kemajuan Luar Desa dan Wilayah (KKDW), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), syarikat swasta, pertubuhan bukan Kerajaan serta penduduk kampung.

Dato' Hairil Yahri Yaacob, Ketua Setiausaha MITI berkata, "Program ini membuktikan tekad Kerajaan MADANI untuk memperkasa agenda pembangunan yang seimbang antara bandar dan luar bandar melalui kerjasama dan sinergi pelbagai kementerian dan agensi, selaras dengan aspirasi YAB Perdana Menteri yang menekankan nilai Ihsan dan Kesejahteraan yang merupakan antara teras Malaysia MADANI dalam setiap inisiatif Kerajaan."

Di bawah Program Sekolah Angkat MADANI MITI pula, sebanyak RM100,000 telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek naik taraf kemudahan pembelajaran dan keceriaan di Sekolah Kebangsaan Rinching Hilir, Semenyih. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM30,000 telah diperuntukkan untuk meningkatkan kemudahan internet berkelajuan tinggi 5G di seluruh kawasan sekolah. Inisiatif ini diharap dapat membantu menarik minat serta mendekatkan murid-murid dengan dunia Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) secara lebih interaktif di samping meningkatkan capaian Internet bagi tujuan pembelajaran murid-murid. Pada masa yang sama, MITI turut membantu menjayakan pelbagai inisiatif penambahbaikan infrastruktur termasuk penggantian kerusi kantin yang daif, penyediaan dataran simen mesra OKU, mural kebitaraan sekolah, pemasangan smart board dan CCTV di semua bilik darjah bagi menyemarakkan semangat cintakan ilmu dan sekolah di samping memberi keselesaan dan keselamatan kepada para guru dan murid-murid Sekolah Kebangsaan Rinching Hilir.

Pelaksanaan kedua-kedua projek ini bukan sahaja berjaya mencapai matlamat yang dihasratkan dalam meningkatkan kualiti infrastruktur sedia ada, malah memberi nilai tambah daripada aspek sosial, ekonomi dan kelestarian alam untuk manfaat jangka masa panjang buat penduduk Kampung Batu 3, warga Sekolah Kebangsaan Rinching Hilir dan penduduk sekitarnya.

KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
5 Disember 2025

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.



603-80008000



www.miti.gov.my




webmiti@miti.gov.my



MITI
MALAYSIA



**MALAYSIA
MADANI**



THIS IS WHERE GLOBAL STARTS